

MAHATHIR MAHU PENIAGA MELAYU BERCITA-CITA BESAR

KUALA LUMPUR 4 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menggesa para peniaga dan penjaja kecil Melayu di seluruh negara supaya mempunyai cita-cita besar dan sanggup menerima perubahan untuk meningkatkan perniagaan mereka.

Katanya, peniaga - peniaga dan penjaja - penjaja Melayu khasnya hendaklah sanggup membesarkan perniagaan

mereka dan kerajaan bersedia menyediakan latihan pengurusan perniagaan ke arah meningkatkan lagi kemahiran penjaja kecil itu.

Berucap di Malam Anugerah 87 anjuran Gabungan Persatuan - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia di Dewan Merdeka di 'sini, Perdana Menteri berkata, peniaga Melayu perlu mengikut aliran perniagaan dari masa ke semasa.

Menurut beliau, orang Melayu mampu meningkatkan pencapaian jika mereka sanggup berusaha dan sehubungan dengan itu, beliau menggesa masyarakat Melayu memberi perhatian dalam bidang perniagaan walaupun sebagai peniaga kecil.

"Kita sedar ramai yang tidak mendapat pekerjaan disebabkan kemerosotan ekonomi yang tidak dapat dielakkan tetapi kita mesti

sanggup menerima cabaran ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, dalam keadaan sekarang ini di mana ramai orang menganggur, mereka termasuk para siswazah hendaklah sama-sama menceburkan diri dalam perniagaan bukannya menunggu pekerjaan mencari mereka.

"Kita tidak mahu ramai rakyat yang menganggur, dengan melibatkan diri dalam per-

niagaan kecil, kita menolong diri dan negara untuk terus membangun lebih - lebih lagi dalam keadaan sekarang yang telah menunjukkan tanda - tanda pemulihan ekonomi," katanya.

Beliau juga menyatakan hasratnya untuk melihat masyarakat peniaga kecil Melayu muncul sebagai gergasi perniagaan seperti yang dibuktikan oleh syarikat McDonald dan Kentucky Fried Chicken yang

memulakan perniagaan secara kecil sahaja.

"Orang Melayu mempunyai berbagai masa-kan yang lazat yang boleh di tingkatkan penjualannya supaya ia menjadi perniagaan besar sekiranya kita sanggup menyusun perniagaan, berkongsi dan mengumpul modal yang besar," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa seorang penjaja kecil boleh muncul sebagai seorang pemimpin sehingga menjadi Perdana Menteri iaitu dari beliau sendiri yang pernah menjadi penjaja goreng pisang di Pekan Rabu, Alur Setar.

Di majlis itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menyampaikan anugerah 'Bapa Pembangunan Penjaja' kepada timbalannya Encik Ghafar Baba kerana sumbangannya kepada perkembangan perniagaan kecil - kecil di negara ini.